

REAKSI umum terhadap gambar pembantu rumah, **Nirmala Bonat, 19**, yang melecur seluruh tubuh dan cedera di muka memang boleh dijangka. Ia tindak balas spontan masyarakat terhadap sebarang bentuk kekejaman termasuk rogol dan pembunuhan. Serta merta ahli politik dan aktivis sosial meminta kerajaan bertindak: wajibkan insurans! Kenakan hukuman lebih berat! Simbah air panas kepada pelaku kezaliman itu sebagai membalas kesakitan Nirmala!

Memang lumrah manusia bersikap reaktif, iaitu memberi tindak balas selepas sesuatu berlaku. Apa lagi melihat gambar yang disiarkan oleh media menggambarkan keadaan gadis dari Nusa Tenggara itu begitu memilukan. Tiada insan wajar diperlakukan seperti itu, jika benar majikannya **Yim Pek Ha**, menderanya. Itu akan ditentukan oleh mahkamah setelah meneliti semua bukti.

Hanya selepas beberapa minggu, apabila emosi masyarakat reda, selepas pelbagai pihak mengeluarkan berbagai-bagai pendapat di media cetak dan elektronik (ada antaranya rasional dan yang lain mengikut perasaan), selepas rakyat Indonesia membuat demonstrasi, suara-suara yang lebih rasional muncul. Barulah ramai yang menerima semula hakikat bahawa undang-undang dan peraturan memang

sedia ada. Seperti juga undang-undang yang mengatur kehidupan kita dalam aspek lain, tetap ada orang yang mencabuli peraturan. Selayaknya, mereka menerima akibat daripada perbuatan yang melanggar undang-undang.

Membaca temubual wartawan akhbar Mingguan Malaysia dengan Pengarah Eksekutif Pertubuhan Pertolongan Wanita (WAO), **Ivy Josiah** yang disiarkan pada 23 Mei 2004 membuatkan kita terfikir. Sungguh mudah untuk mengambil pendirian sebagai pembela 'the underdogs', dalam hal ini ialah beratus-ratus ribu pekerja asing yang bekerja di sektor domestik di negara ini. Kendalikan 200 kes dan anggap sebahagian besar pekerja berkenaan teraniaya. Jangan tersalah anggap, saya menghormati Ivy dan mengagumi perjuangan berterusannya membela nasib golongan teraniaya. Dia tidak pernah mementingkan diri sendiri dan sanggup dikedam golongan *establishment* dan dikenakan tindakan pihak berkuasa kerana pendirian teguhnya dalam perjuangan. Sejak beberapa tahun ini, Ivy menikmati taraf 'selebritinya' yang tersendiri kerana sudah menjadi 'fashionable' untuk bergesel bahu dengan aktivis sosial.

Yang sukar untuk saya terima ialah nada *authoritative* Ivy dalam memperkatakan isu ini. Dengan bersandarkan pengalamannya mengendalikan kes penganiayaan pem-

bantu rumah, beliau membuat kenyataan bersikap umum yang menempatkan majikan di dalam satu kelompok yang 'sadist', tidak menghormati hak asasi orang lain dan memandang rendah budaya bangsa Indonesia'.

Seperti mana ada anggota masyarakat yang menjadi perogol, pencuri dan pelampau, ada juga yang bersifat pendera. Tetapi itu tidak bermakna semua majikan kejam terhadap pembantu rumah, pemandu dan tukang kebun.

Kita tidak bersimpati kepada Yim Pek Ha walaupun dia menangis meminta simpati dibenarkan ikat jamin kerana anaknya masih kecil. Tetapi kita juga tidak mahu majikan lain dihukum kerana mahu membela Nirmala Bonat.

Yang kita harapkan ialah agar Memorandum Persefahaman yang bakal ditandatangani bersifat seimbang. Jangan kerana kita mahu membayar aib negara kerana kes Nirmala, kita memberi ruang kepada pihak asing menentukan terma kepada aturan yang sepatutnya menguntungkan kedua-dua pihak. Benar, hampir sejuta keluarga memerlukan pembantu rumah asing, tetapi jangan lupa bahawa negara asing memerlukan peluang pekerjaan di negara kita untuk rakyatnya. Terlalu ramai rakyat yang menganggur boleh meruntuhkan kerajaan.

Menurut seorang majikan, **Saodah Embung**, berdasarkan pengalamannya, ada pembantu rumah asing yang tidak diberi latihan mencukupi sebelum dihantar oleh agensi ke negara ini.

"Kita fahamlah ada yang tidak fasih bahasa kita sepenuhnya. Itu boleh dilatih. Tetapi selepas tiga bulan tidak tahu melakukan satu pekerjaan pun di rumah, susahlah. Kalau wanita yang bekerja mungkin tak nampak semua ini. Suri rumah seperti saya, tahu apa

DENDAM

Nirmala Bonat

Jangan hukum semua majikan

Kita tidak bersimpati kepada Yim Pek Ha walaupun dia menangis meminta dibenarkan ikat jamin kerana anaknya masih kecil. Tetapi kita juga tidak mahu majikan lain dihukum kerana mahu membela Nirmala Bonat.

yang dilakukan oleh pembantu di rumah," katanya.

Anaknya, penyanyi dan guru vokal, **Juliza Adlizan**, sama sekali tidak bersetuju jika kes seperti Nirmala menyebabkan golongan majikan dikekang pelbagai peraturan baru termasuk dikenakan membayar insurans.

"Keterlaluan. Kita bukan tidak simpati kepada Nirmala. Itu memang tidak patut. Tetapi apabila majikan didera, siapa yang memperjuangkan?"

Soalan Juliza memang menuntut jawapan, kerana seperti diperkatakan Ivy Josiah, penderaan bukan hanya membabitkan tubuh badan. Setakat ini, belum ada majikan yang tampil di media dengan tubuh bercalar balar atau melecur disimbah air panas, tetapi sakit hati dan tekanan jiwa juga boleh memudaratkan sekuat penderaan fizikal. Sebab tiada yang sanggup memperkenalkan diri dan tiada perangkaan rasmi, sukar untuk mengagak berapa ramai majikan yang mendapatkan bantuan psikiatri kerana didera perasaan oleh pembantu rumah.

Apa yang dianggap sebagai 'urban legends' atau dongeng oleh Ivy, iaitu pembantu rumah mencuri (barangan dan pasangan!) lari dari rumah mengikut kekasih, membawa lelaki berasmara di rumah majikan, malah meletakkan najis di dalam makanan, dialami ramai majikan. Untuk menyenaraikannya di sini, amat banyak dan mungkin mengundang Ivy untuk membuktikan kata-katanya: "Kalau ada orang tunjukkan kepada saya seorang pembantu rumah yang naik kepala kerana dilayan dengan baik, saya boleh tunjukkan pula 50 pembantu rumah yang didera."

Sebab tidak mahu ditemukan dengan 50 rakyat Indonesia yang didera, saya cenderung untuk bersetuju dengan beliau bahawa pembantu rumah harus dilayan sebagaimana kita sendiri dilayan sebagai pekerja. Pembantu rumahtangga ialah satu profesion, sama ada kita suka mengakuinya atau tidak. Kerana kita sendiri tidak dibayar apabila membersihkan rumah, menjaga anak, memasak dan membasuh pakaian, ada beranggapan ia bukan satu kerjaya. Tetapi bagi rakyat Indonesia dan Filipina, mereka datang ke negara ini untuk menjadi seorang pekerja. Bagi mereka yang mendapatkan pembantu rumah daripada agensi (yang sah dan beroperasi secara profesional), ada senarai lengkap bidang tugas yang boleh dan tidak boleh dilakukan oleh pembantu rumah.

Seorang majikan, **Intan Baizura Mohd Zakaria**, berpendapat majikan perlu menerima hakikat yang sebagai pekerja,



Saodah Embung



Datin Norlaili Adnan



Juliza Adlizan

pembantu rumah juga mengalami ketegangan kerana tekanan di tempat kerja, iaitu rumah kita.

"Pembantu rumah juga manusia. Sebagai majikan, layan dia seperti mana seorang pekerja patut dilayan. Ada aturan yang sewajarnya. Bagi saya, orang yang melayan pembantu rumah lebih teruk daripada haiwan, mengalami sakit mental.

"Seperti mana kita menjadi pekerja, begitu juga pembantu rumah. Kita pun mengalami stress dalam pekerjaan, mereka pun ada juga stress masing-masing. Itu kita kena terima.

"Mesti ada latihan untuk memahirkan dia membuat kerja. Pembantu rumah saya sudah tiga tahun bekerja di rumah saya. Kami banyak membantunya. Jangan pula apabila kita balik dari kerja, kita harapkan segala-galanya disempurnakan oleh pembantu rumah. Harapan kita kepada mereka janganlah tinggi sangat," katanya.

Seperti kata **Datin Norlaili Adnan**, yang lebih memerlukan penelitian ialah tindak tanduk agensi pengambilan pekerja asing, terutama berhubung penggantian pekerja apabila pembantu rumah melarikan diri.

"Kita juga yang kena bayar RM4,000 untuk mendapatkan pembantu baru," katanya. Majikan dalam mana-mana sektor sekali pun, tentu sekali mahu jumlah yang dibelanjakan berbaloi. Apa lagi jika majikan tidak pernah culas membayar gaji setiap bulan. Itu hakikat yang kena diterima kedua-dua belah pihak.

Satu lagi aspek yang perlu diteliti ialah penipuan umur pembantu rumah yang akhirnya membebankan majikan sendiri. Menurut Juliza, dia antara majikan yang tertipu dengan angka yang diletakkan di dalam borang dan dipersetujui pembantu rumah. Had usia 22-39 yang ditetapkan tidak pernah menjadi penghalang bagi agensi menghantar pembantu rumah yang berusia serendah 17 tahun dan sematang 49 tahun.

"Umur 19 tahun, tak banyak yang dia tahu mengenai pengurusan rumah tangga. Sudahlah tidak faham bahasa Melayu, kita minta tolong ambil mangkuk dibawahnya cili. Itu selepas dididik tiga bulan. Tak merasa terdera kita dibuatnya?"

Kisah majikan-pembantu rumah tidak akan selesai kerana hayat manusia tidak akan sunyi daripada peristiwa. Banyak aspek yang perlu ditangani kedua-dua kerajaan untuk memperbaiki keadaan, antaranya perhubungan majikan-pekerja. Kita mengharapkan Nirmala menjadi pembantu rumah terakhir dianiaya sebegitu rupa dan dapat meneruskan kehidupan dengan lebih baik selepas ini. ✨